



JOJAPS

eISSN 2504-8457



Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Persepsi Produk Inovasi Baju Hiking di Kalangan Para Pendaki

Khalida bt Khairuddin

Jabatan Rekabentuk Dan Komunikasi Visual
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
KM10, Jalan Kong Kong
87100 Pasir Gudang, Johor, Malaysia
khalidakhairudin@gmail.com
Tel : +060182679455

Abstrak

Mendaki adalah merupakan sejenis aktiviti lasak yang memerlukan peneraju aktiviti ini untuk berjalan, diatas binaan alam semulajadi, atau lebih tepat lagi mengikut aliran trail dakian. Aktiviti ini sangat sinonim dilakukan dikawasan berbukit-bukau, bergunung-ganang, berlembah atau bergenting tinggi yang berbatu, berpasir, atau bertanah alun. Aktiviti mendaki dilakukan secara aktiviti luaran, namun ada juga dilakukan secara dalaman misalnya mendaki di dalam gua besar yang beruangan besar, curam, berbatu-batuan dan berstruktur tinggi. Mendaki cukup popular di dunia Kategori: Organisasi mendaki. Nilai kebaikan kesihatan dari aktiviti mendaki adalah berbagai bergantung kepada jenis dakian yang dijalankan, ada pendaki yang boleh menerima kesan positif ketika dan sesudah melakukan aktiviti dakian, namun ada juga mendapat kesan negatif. Hari ni kita dapat melihat bahawa banyak kemalangan berlaku semasa mendaki. Kadang-kadang mereka suka mendaki pada waktu malam untuk melihat matahari terbenam pada waktu pagi tetapi mereka tidak tahu jika mereka pergi mendaki pada waktu malam, mereka tidak akan melihat atau mengetahui kedudukan mereka pada waktu itu. Dan material pakaian yang dipakai jugak tidak bersesuaian dipakai semasa mendaki. Malah apabila mendaki dalam keadaan gelap bertambah bahaya kepada pendaki-pendaki tanpa ada pakaian yang bersesuaian untuk mereka. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi produk inovasi Baju Hiking dikalangan para pendaki dari kelab Hiking Johor **JOHOHERO ® Hiking, Camping, Running, Cycling**. Terdapat dua objektif yang dikaji iaitu pertama keberkesanan penggunaan lampu LED pada rekaan pakaian dan pita reflektif dalam rekaan pakaian baju hiking dan kedua keberkesanan penggunaan material yang bersesuaian semasa mendaki. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Seramai 40 orang responden yang terdiri daripada para pendaki **JOHOHERO ® Hiking**. Data yang diperolehi pula dianalisis dengan menggunakan perisian Excell untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan. Hasil dapatan kajian mendapati Persepsi Produk Inovasi Baju Hiking dikalangan para Pendaki mendapat sambutan positif daripada para pendaki atau responden. Secara keseluruhan terdapat perbezaan peratus rekaan pakaian baju hiking yang terdapat dipasaran sebelum ditambah dengan inovasi perletakkan lampu LED dan tape reflektif dan juga penggunaan material yang bersesuaian iaitu fabrik nylon, water proff dan antibacterial wicking polyester jersey dalam rekaan pakaian hiking. Peratus peserta yang mendaki adalah 80% lelaki dan 20% perempuan. Peratus responden tidak suka baju hiking yang berada dipasaran sekarang adalah 75% berbanding dengan yang suka sebanyak 25% sahaja. Manakala responden untuk baju hiking pada waktu malampula adalah 87.5% tidak suka berbanding denganyang suka hanya 12.5% sahaja. Untuk responden baju hiking yang ada inovasi Lampu LED dan tape reflektif pula 100% responden suka begitu juga dengan penggunaan material Nylon, waterproff dan antibacterial wicking polyester jersey dalam rekaan baju hiking, 100% responden suka. Secara keseluruhannya Hasil kajian menunjukkan responden memberikan jawapan yang positif terhadap kesemua persoalan kajian yang dikaji.

@2020 Published by JOJAPS Limited

Keyword : Inovasi Baju Hiking

1. PENGENALAN

1.1 Latarbelakang kajian.

Mendaki adalah merupakan sejenis aktiviti lasak yang memerlukan peneraju aktiviti ini untuk berjalan, diatas binaan alam semulajadi, atau lebih tepat lagi mengikut aliran trail dakian. Aktiviti ini sangat sinonim dilakukan dikawasan berbukit-bukau, pergunung-ganang, berlembah atau bergenting tinggi yang berbatu, berpasir, atau bertanah alun. Rujuk gambarajah 1 dan 2 contoh lokasi pendakian. Aktiviti mendaki dilakukan secara aktiviti luaran, namun ada juga dilakukan secara dalaman misalnya mendaki di dalam gua besar yang beruangan besar, curam, berbatu-batuan dan berstruktur tinggi. Mendaki cukup popular di dunia Kategori: Organisasi mendaki. Nilai kebaikan kesihatan dari aktiviti mendaki adalah berbagai bergantung kepada jenis dakian yang dijalankan, ada pendaki yang boleh menerima kesan positif ketika dan sesudah melakukan aktiviti dakian, namun ada juga mendapat kesan negatif.



Rajah 1: Pendakian di Pulau Tioman



Rajah 2 : Pendakian di Lata Tengkorak

Mendaki pada waktu malam menjadi pilihan bagi sesetengah pendaki semata-mata untuk menikmati keindahan matahari terbit. Mendaki pada waktu siang hari tidaklah sesukar seperti mendaki pada waktu malam yang gelap kerana para pendaki lebih terdedah kepada risiko keselamatan dan bahaya yang tidak dijangka. Tanpa ilmu tentang teknik mendaki yang cukup dan kemahiran survival yang tinggi, adalah agak merbahaya bagi para pendaki melakukan aktiviti mereka pada waktu malam. Menjejaki laluan trek mendaki pada waktu malam tidak semudah seperti pada waktu siang

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

1.2.1 Rekabentuk pakaian semasa mendaki pada waktu malam.

Pergerakan semasa mendaki juga perlu diambil kira kerana semasa mendaki banyak pergerakan badan seperti kaki, badan dan tangan digunakan semasa melangkah dimana aspek pemakaian perlu dititikberatkan untuk keselesaan semasa mendaki memandangkan tempoh mendaki juga agak lama berdasarkan trek laluan para pendaki.

Pemakaian semasa mendaki atau lebih dikenali sebagai Baju Hiking merupakan salah satu elemen penting sebelum melakukan aktiviti mendaki. Berdasarkan sumber kajian daripada pendaki dari **JOHOHERO ® Hiking**. Pada kebiasaannya baju hiking yang biasa dipakai adalah terdiri daripada satu set pakaian iaitu terdiri daripada seluar trek, T-shirt. Rujuk gambarajah 3.



Rajah 3: Pendaki dari kumpulan **JOHOHERO ® Hiking**.

Berdasarkan kepada kajian soal selidik para pendaki **JOHOHERO ® Hiking** mereka mengatakan ketidakselesaan dengan pakaian semasa mendaki ini adalah kerana material yang ada dipasaran kurang sesuai dengan keadaan suhu, cuaca dan keadaan semasa mendaki. Ini termasuklah pakaian pendakian di waktu malam. Rujuk gambarajah 4. Dimana pada waktu malam masalah pada pendaki adalah tidak dapat mengesan rakan pendaki dan kedudukan rakan pendaki memandangkan suasana malam yang agak gelap.



Rajah 4 : Pakaian mendaki yang ada dipasaran.

1.2.2 Pemilihan material yang bersesuaian.

Pemilihan material juga penting semasa aktiviti pendakian. Ini adalah kerana mengikut kajian yang dibuat kepada kumpulan pendaki **JOHOHERO ® Hiking**. Mereka mengatakan ketidakselesaan dengan material yang dipakai mengakibatkan mereka panas, berpeluh sehingga menyebabkan mereka cepat penat dan tidak selesa. Bagi pendaki perempuan muslim pula mereka terpaksa berhadapan dengan ketidakselesaan dengan berhijap disamping dengan rekaan pakaian yang labuh dan besar.

Objektif Kajian

- i. Persepsi pengguna terhadap penggunaan lampu LED dan pita reflektif kedalam rekaan pakaian hiking.
- ii. Persepsi pengguna terhadap material *Nylon*, *waterproff fabric* dan *antibacterial wicking Polyester Jersey* dalam rekaan pakaian hiking.

2. INSTRUMEN KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam instrument kajian adalah kaedah kuantitatif. Seramai 40 orang responden dari kumpulan pendaki **JOHOHERO ® Hiking** dijadikan bahan kajian selidik untuk mendapatkan data.

Instrumen kajian yang digunakan adalah kaedah

- i. Set soalan temubual
- ii. Kaedah Penganalisis Data

Dalam kajian soal selidik, kajian telah dibuat kepada kumpulan pendaki dari **JOHOHERO ® Hiking** yang berlokasi di Johor Bahru. Dimana seramai 40 responden digunakan dalam kajian soal selidik yang terdiri daripada lelaki dan perempuan.

Jadual 1 : Jadual agihan dan terimaan borang soal selidik

Bil	Jantina Pendaki	
	Lelaki	Perempuan
1		
2	32	8

Jadual 2 : Instrumen yang diguna pakai dalam kajian

Objektif Kajian	Kaedah	Instrumen	Data Analisis
Persepsi pengguna terhadap penggunaan lampu LED dan pita reflektif kedalam rekaan pakaian hiking.	Kuantitatif	Borang Soalselidik	Menggunakan Excel dalam peratusan %
Persepsi pengguna terhadap material <i>Nylon</i> , <i>waterproff fabric</i> dan <i>antibacterial wicking Polyester Jersey</i> dalam rekaan pakaian hiking.	Kuantitatif	Borang Soalselidik	Menggunakan Excel dalam peratusan %

3.0 METODOLOGI KAJIAN

- 3.1 Dalam kajian soal selidik , kajian telah dibuat kepada kumpulan pendaki dari **JOHOHERO @ Hiking** yang berlokasi di Johor Bahru. Dimana seramai 40 responden digunakan dalam kajian soal selidik yang terdiri daripada lelaki dan perempuan.

Jadual 3: Jadual agihan dan terimaan borang soal selidik

Bil	Jantina Pendaki	
	Lelaki	Perempuan
	32	8

- 3.2 Persepsi pengguna terhadap rekaan pakaian hiking yang ada dipasaran sekarang dimana para pendaki memakainya untuk melakukan aktiviti pendakian .

Jadual 4 : Persepsi responden terhadap rekaan pakaian hiking di pasaran

Cadangan	Bilangan responden
Suka	10
Tidak Suka	30

- 3.3 Persepsi pengguna terhadap rekaan pakaian yang sesuai dipakai pada waktu malam yang ada dipasaran.

Jadual 5 : Jumlah responden yang suka dan tidak suka dengan rekaan pakaian yang sesuai dipakai pada waktu malam

Cadangan	Bilangan responden
Suka	5
Tidak Suka	35

- 3.4 Persepsi pengguna terhadap Rekaan pakaian yang telah diubahsuai dengan menambah lampu LED dan tape reflektif pada rekaan baju hiking.

Jadual 6 : Jumlah responden yang setuju dengan inovasi penambahan lampu LED dan tape reflektif pada rekaan baju hiking.

Cadangan	Bilangan responden
Setuju	40
Tidak Setuju	0
Tidak Pasti	0

3.5 Persepsi pengguna terhadap keselesaan menggunakan material Nylon, waterproff dan antibacterial wicking polyester jersey dalam rekaan pakaian hiking.

Jadual 7 : Jumlah responden yang setuju, tidak setuju dan tidak pasti dalam keselesaan menggunakan material Nylon, waterproff dan antibacterial wicking polyester Jersey dalam rekaan pakaian hiking.


Cadangan	Bilangan responden
Setuju	40
Tidak Setuju	0
Tidak Pasti	0

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Berikut adalah hasil dapatan dalam kajian soal selidik , kajian telah dibuat kepada kumpulan pendaki dari **JOHOHERO® Hiking** yang berlokasi di Johor Bahru. Dimana seramai 40 responden digunakan dalam kajian soal selidik yang terdiri daripada lelaki dan perempuan.

Jadual 8 : Agihan Penerimaan Soal Selidik

Bil	Jantina Pendaki	
	Lelaki	Perempuan
1		
2	32	8




Graf 1: Latar belakang responden yang menyertai pendakian.

Berdasarkan kepada graf di atas, hasil dapatan mendapati bilangan pendaki berdasarkan jantina menunjukkan 80% aktiviti hiking disertai oleh pendaki lelaki dan 20% disertai oleh pendaki perempuan.

4.2 Persepsi pengguna terhadap rekaan pakaian hiking yang ada dipasaran sekarang dimana para pendaki memakainya untuk melakukan aktiviti pendakian .

Jadual 9 : Jumlah Responden terhadap rekaan pakaian hiking di pasaran

Cadangan	Bilangan responden
Suka	10
Tidak Suka	30




Graf 2 : Jumlah responden yang suka dan tidak suka dengan rekaan pakaian hiking yang ada di pasaran .

Berdasarkan kepada graf di atas, peratus responden tidak suka terhadap rekaan pakaian baju hiking yang ada di pasaran sekarang lebih tinggi iaitu 75% berbanding peratus responden yang suka iaitu 25% sahaja.

4.3 Persepsi pengguna terhadap rekaan pakaian yang sesuai dipakai pada waktu malam yang ada dipasaran.

Jadual 10 : Persepsi Responden terhadap Rekaan Pakaian yang Sesuai untuk Waktu Malam

Cadangan	Bilangan responden
Suka	5
Tidak Suka	35




Graf 3: Jumlah responden yang suka dan tidak suka dengan rekaan pakaian yang sesuai di pakai pada waktu malam yang ada di pasaran.

Berdasarkan kepada graf di atas, peratus responden tidak suka terhadap rekaan pakaian baju hiking yang ada di pasaran sekarang lebih tinggi iaitu 87.5% berbanding peratus responden yang suka iaitu 12.5% sahaja.

4.4 Persepsi pengguna terhadap Rekaan pakaian yang telah diubahsuai dengan menambah lampu LED dan tape reflektif pada rekaan baju hiking.

Jadual 11: Jumlah responden yang setuju dengan inovasi penambahan lampu LED dan tape reflektif pada rekaan baju hiking

Cadangan	Bilangan responden
Setuju	40
Tidak Setuju	0
Tidak Pasti	0




Graf 4: Jumlah responden setuju, tidak setuju dan tidak pasti dengan penambahan inovasi Lampu LED pada pakaian hiking.

Berdasarkan graf di atas, 100% responden bersetuju dengan penambahan inovasi Lampu LED dan tape reflektif pada rekaan baju hiking. Ini adalah kerana kebanyakan para pendaki suka menjalankan aktiviti hiking ini pada waktu malam kerana mendaki pada waktu malam menjadi pilihan bagi sesetengah pendaki semata-mata untuk menikmati keindahan matahari terbit.

4.5 Persepsi pengguna terhadap keselesaan menggunakan material Nylon, waterproff dan antibacterial wicking polyester jersey dalam rekaan pakaian hiking.

Jadual 12 : Jumlah responden yang setuju, tidak setuju dan tidak pasti dalam keselesaan menggunakan material Nylon, waterproff dan antibacterial wicking polyester Jersey dalam rekaan pakaian hiking.

Cadangan	Bilangan responden
Setuju	40
Tidak Setuju	0
Tidak Pasti	0



Graf 5 : Jumlah responden setuju, tidak setuju dan tidak pasti mengenai keselesaan menggunakan material Nylon, waterproff dan antibacterial wicking polyester jersey dalam rekaan pakaian hiking .

Berdasarkan graf di atas sebanyak 100% responden bersetuju dengan keselesaan menggunakan material nylon, waterproff dan antibacterial wicking polyester jersey dalam pakaian hiking.

5.0 KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian mendapati Persepsi Produk Inovasi Baju Hiking dikalangan para Pendaki mendapat sambutan positif daripada para pendaki atau responden. Secara keseluruhan terdapat perbezaan peratus rekaan pakaian baju hiking yang terdapat dipasaran sebelum ditambah dengan inovasi perletakkan lampu LED dan tape reflektif dan juga penggunaan material yang bersesuaian iaitu fabrik nylon, water proff dan antibacterial wicking polyester jersey dalam rekaan pakaian hiking. Peratus peserta yang mendaki adalah 80% lelaki dan 20% perempuan. Peratus responden tidak suka baju hiking yang berada dipasaran sekarang adalah 75% berbanding dengan yang suka sebanyak 25% sahaja. Manakala responden untuk baju hiking pada waktu malampula adalah 87.5% tidak suka berbanding denganyang suka hanya 12.5% sahaja. Untuk responden baju hiking yang ada inovasi Lampu LED dan tape reflektif pula 100% responden suka begitu juga dengan penggunaan materialNylon, waterproff dan antibacterial wicking polyester jersey dalam rekaan baju hiking, 100% responden suka. Secara keseluruhannya Hasil kajian menunjukkan responden memberikan jawapan yang positif terhadap kesemua persoalan kajian yang dikaji.

6.0 RUJUKAN

Winifred Aldrich, 2008, 5th Edition, metric pattern cutting for women's wear, Blackwell Publishing, Australia
Simon Seivewright, 2007, Research And design, AVA Publishing, Switzerland
Winifred Aldrich, 2007, Metric Pattern Cutting for Menswear, Fourth Edition, Blackwell Publishing, Australia
Sandra Burke, 2011, Fashion Design Concept To Collection, www.burkepublishing.com
Sue Jenkyn Jones. 2011. Fashion Design. Laurence king Publishing Ltd. London.
Kathryn McKelvey & Janine Munslow. 2008. Fashion Forecasting. Wiley-Blackwell by A John Wiley & Sons, Ltd. United Kingdom.